

20/10/2000

Syarikat Esfahan sedia bantu baik pulih bangunan

Wan Esuriyanti Wan Ahmad in Esfahan (Iran)

ESFAHAN (Iran), Khamis - Syarikat ternama dalam membina dan membaik pulih bangunan berbentuk Islam, Esfahan SamanGostar, sedia memberi kerjasama kepada Malaysia membangunkan bangunan berunsur Islam.

Pengarah Urusannya, Jalali Nader berkata, syarikatnya sedia menghulurkan segala bentuk kepakaran kepada kerajaan dan pihak swasta di negara ini yang ingin membina bangunan yang memaparkan seni bina Islam.

"Sebagai menghormati pengiktirafan bandar berkembar (Esfahan-Kuala Lumpur), syarikat kami sanggup menghulurkan kerjasama kepada Malaysia dalam pembinaan bangunan bercorak Islam," katanya kepada wartawan Malaysia pada majlis makan bagi menyambut rombongan Persatuan Pelancong Kuala Lumpur (KLTA) di sini, malam tadi.

Dalam lawatan Perdana Menteri Datuk, Seri Dr Mahathir Mohamad ke sini baru-baru ini, Dr Mahathir ada menyatakan keinginan membina Medan Iman yang mempunyai beberapa masjid terkenal seperti Masjid Sheikh Lotfollah dan Masjid Chahar-Bagh, di Malaysia.

Ditanya sama ada syarikat itu akan menghulurkan bantuan seperti cadangan Perdana Menteri itu, beliau berkata: "Saya tidak tahu mengenai perkara ini tetapi saya boleh memberi bantuan sekiranya Malaysia minta."

Bagaimanapun, Jalali berkata, jika Malaysia ingin mengambil idea atau contoh reka bentuk mana-mana bangunan di sini, mereka perlu bekerjasama dengan kerajaan tempatan Esfahan.

"Ini kerana, ada beberapa kontraktor yang mengambil idea daripada reka bentuk bangunan di sini tanpa bekerjasama dengan pihak kami terlebih dahulu," katanya.

Esfahan SamanGostar adalah syarikat kontraktor terulung di Esfahan. Syarikat itu pernah mengadakan kerjasama dengan kontraktor Malaysia dalam projek pembinaan Muzium Seni Islam di Kuala Lumpur, mereka cipta Taman Iran di Taman Bukit Jalil, Masjid Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan pintu masuk Menara Kuala Lumpur.

Jalali berkata, syarikat itu juga mengadakan kerjasama dengan beberapa negara lain termasuk Arab Saudi dan Oman dalam pembinaan bangunan bercorak Islam.

Beliau berkata, terdapat enam anak syarikat Esfahan SamanGostar yang antara lain, terlibat dalam bidang kontraktor, pertanian, reka bentuk sivil dan membaik pulih bangunan lama.

Jalali berkata, syarikat berkenaan mempunyai cawangannya di Kuala Lumpur dan Arab Saudi. Beliau bercadang untuk membuka cawangan di Emiriyah Arab Bersatu dan Oman.

Mengenai projek lain syarikat itu, beliau berkata, SamanGostar sedang dalam persiapan untuk membina dua buah hotel bertaraf lima bintang di Esfahan yang menelan belanja sebanyak RM190 juta (AS\$50 juta) dan dijangka siap sebelum tahun 2005.

Ditanya mengenai peranannya dalam bidang pelancongan, beliau berkata: "Sebagai warga korporat bertanggungjawab, syarikat saya sedang bekerjasama dengan pihak kerajaan tempatan Esfahan dalam menggalakkan pelancong datang ke negara ini," katanya.

Esfahan mempunyai empat juta penduduk dengan 1.5 juta tinggal di kawasan bandar. Ia terkenal dengan bangunan lama berbentuk Islam. Antaranya, Masjid Jame, Istana Ali Ghapu, Istana Hasht Behest, Jambatan Khaju, Jambatan Allahwerdi Khan dan Masjid Imam.

(END)

